

Melindungi Perbelanjaan Di
Hari Tua



Mendengar. Memahami. Melaksana.

PRUDENTIAL 

Tidak terlalu awal untuk mula memikirkan tentang insurans kesihatan sebagai bekalan hari kemudian anda

Kita mudah alpa, namun hakikatnya ialah semakin meningkat usia kita semakin besar kemungkinan kita memerlukan insurans kesihatan. Walaupun kebanyakan orang mempunyai perlindungan pelan perubatan dari majikan, namun apabila anda bersara, perlindungan itu pun terhenti dan anda mungkin tidak mempunyai perlindungan perubatan di saat penyakit dan kemasukan hospital menjadi semakin kerap. Itulah sebabnya anda perlu merancang lebih awal lagi untuk memelihara kesihatan anda. Sebagai syarikat yang sentiasa mendengar dan memahami keperluan anda, kami telah menghasilkan satu produk bagi memenuhi keperluan ini. **PRU**Senior Med menanggung kos hospital dan pembedahan utama di saat anda paling memerlukannya.

» Biarlah kami yang memikul bebanan kewangan di hari kemudian anda

PRUSenior Med adalah direka khusus untuk warga emas yang menyediakan jumlah perlindungan perubatan demi menghapuskan kebimbangan anda tentang bil perubatan yang amat membebankan sekiranya anda dimasukkan ke hospital kerana pembedahan dan penyakit utama. Dengan **PRU**Senior Med, anda cuma perlu membayar koinsurans sebanyak 10% daripada jumlah perbelanjaan anda yang layak, ataupun jumlah koinsurans minimum yang berpatutan untuk produk ini, bergantung kepada mana yang lebih tinggi. **Kami akan membayar selebihnya!**

PRUSenior Med menyelamatkan anda daripada sebarang beban kewangan kerana ia menyediakan perkara seperti berikut:

- Jumlah perlindungan perubatan yang tinggi
- Jumlah koinsurans minimum yang berpatutan
- Pembaharuan yang terjamin – sehingga umur 80 tahun
- Manfaat belas ehsan RM5,000 untuk menanggung perbelanjaan akhir
- Premium paras yang berpatutan
- Usia penyertaan yang tinggi – sehingga umur 70 tahun pada hari lahir yang berikutnya
- Rawatan pesakit luar bagi dialisis buah pinggang dan penyakit barah

Memperkenalkan PRUSenior Med

PRUSenior Med adalah pelan perubatan dengan premium tetap. Polisi ini menawarkan perlindungan insurans sehingga berumur 80 tahun pada hari lahir yang berikutnya. Ia membayar balik bil perubatan sekiranya anda dimasukkan ke hospital kerana pembedahan dan penyakit.

» Apakah manfaatnya?

Anda boleh memilih pelan yang memenuhi keperluan peribadi anda.

	Plan 1	Plan 2
Manfaat Kematian	RM 5,000	RM 5,000
Manfaat Rawatan Perubatan		
1. Bilik & Penginapan Harian Hospital (120 hari setahun)	RM 200	RM 200
2. Unit Rawatan Rapi (30 hari setahun) 3. Yuran Pembedahan 4. Yuran Pakar Bius 5. Perkhimatian Dalam Hospital & yang Berkaitan	Seperti dicaj, tertakluk kepada koinsurans sebanyak 10% atau jumlah koinsurans minimum, yang mana lebih tinggi.	
6. Rawatan Sebelum Masuk Hospital (dalam tempoh 30 hari sebelum masuk hospital) 7. Rawatan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh 90 hari selepas keluar hospital) 8. Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah (180 hari seumur hidup) 9. Surgeri Harian 10. Rawatan Pesakit Luar bagi Penyakit Barah 11. Rawatan Pesakit Luar bagi Dialisis Buah Pinggang	Seperti dicaj, tertakluk kepada koinsurans sebanyak 10%	
Jumlah Koinsurans Minimum* (Dikenakan ke atas manfaat no.2 hingga 5 sahaja)	RM 3,000	RM 6,000
Had Seumur Hidup	RM 225,000	RM 225,000

* Kami berhak untuk menyemak semula jumlah koinsurans minimum sekali pada setiap 12 bulan, dengan memberikan 30-hari notis bertulis.

Nota: Koinsurans adalah satu pengaturan perkongsian kos di mana pemegang polisi membayar suatu persatuan tertentu kos bagi satu kelayakan manfaat, tertakluk kepada jumlah koinsurans minimum jika berkenaan. Baki selebihnya akan dibayar oleh pihak Syarikat.

Manfaat Kematian

PRUSenior Med membayar Manfaat kematian sekiranya berlaku kematian. Jika kematian adalah disebabkan membunuh diri di dalam tempoh tahun pertama, maka semua premium yang telah dibayar akan dikembalikan tanpa faedah.

Manfaat Rawatan Perubatan

Perlindungan bermula serta-merta selepas penerimaan polisi bagi kemasukan ke hospital akibat kemalangan, tetapi akan hanya bermula 30 hari selepas penerimaan polisi bagi mana-mana sebab lain.

Setiap tuntutan mengurangkan Had Seumur Hidup. Apabila Had Seumur Hidup habis digunakan, Manfaat Kematian akan berterusan tanpa perlu membayar premium selanjutnya.

Nilai Tunai

Sesuatu polisi **PRU**Senior Med (dengan tempoh 20 tahun atau lebih) akan mempunyai nilai tunai setelah premium dibayar untuk sekurang-kurangnya 3 tahun. Polisi yang bertempoh kurang daripada 20 tahun tidak akan mempunyai nilai tunai.

Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Tahap premium yang perlu anda bayar bergantung kepada umur, jantina, pelan yang anda pilih dan tertakluk kepada pengunderaitan. Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam pekerjaan, kegemaran atau sukan kerana ia boleh mempengaruhi premium, tempoh, syarat-syarat dan manfaat.

Bagaimakah cara pembayaran premium?

Anda boleh memiliki untuk membayar setiap tahun, setiap setengah tahun, setiap suku tahun atau setiap bulan sama ada melalui Kad Kredit, Debit Terus, Arahan Bank, Cek atau Tunai. Premium mesti dibayar dalam tempoh sebulan dari tarikh yang perlu dibayar. Premium perlu dibayar sepanjang tempoh polisi.

Bagaimana sekiranya sesuatu bayaran premium gagal dibuat?

Jika anda tidak membayar dalam tempoh ihsan selama satu bulan dan polisi anda belum memperolehi nilai tunai, maka polisi akan tamat secara automatik.

Jika polisi anda telah memperolehi nilai tunai yang mencukupi dan anda tidak dapat membayar premium, kami akan membayar premium bagi pihak anda di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik. Anda akan terus menikmati manfaat di bawah polisi ini. Polisi ini akan tamat apabila pinjaman premium ditambah faedah adalah lebih tinggi daripada nilainya.

Bagaimana saya boleh menyertai PRUSenior Med?

Anda boleh menyertai PRUSenior Med sekiranya anda berumur di antara 45 hingga 70 tahun pada hari lahir yang berikutnya.

Bagaimana saya boleh mengambil PRUSenior Med untuk ibu bapa saya?

Anda boleh mengambil PRUSenior Med ke atas hayat ibu bapa anda dengan membayar premium jika mereka berumur di antara 45 hingga 70 tahun pada hari lahir yang berikutnya. Ibu bapa anda akan menjadi pemilik polisi.

Bagaimanakah PRUSenior Med membayar rawatan perubatan di luar negara?

Jika anda menerima rawatan perubatan di luar negara, Manfaat Rawatan Perubatan akan dibayar menurut kadar kos rawatan yang sewajarnya dikenakan oleh hospital di Malaysia. Manfaat tidak akan dibayar jika anda tinggal di luar negara selama lebih daripada 90 hari bagi setiap perjalanan.

Pengecualian

PRU Senior Med tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau caj yang diakibatkan, secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu kejadian di bawah:

1. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh membunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman.
2. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh perperangan, pecerobohan tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perperangan disyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awan.
3. Sebarang keadaan yang timbul daripada kehamilan, kelahiran, keguguran atau pengguguran, termasuk sebarang rawatan, ujian atau rawatan sebelum dan selepas bersalin yang berkaitan.
4. Sebarang rawatan atau ujian yang berhubungan dengan ketidaksuburan, pencegahan hamil, pemandulan, disfungsi erektil, ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk.
5. Kecacatan kelahiran, kejanggalan kongenital, kecacatan bentuk kongenital termasuk keadaan-keadaan keturunan.
6. Sebarang pembedahan komestik atau plastik (melainkan perlu dilakukan akibat kecederaan atau penyakit), sebarang pembedahan elektif, termasuk penukaran jantina atau berkhatan.
7. Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan AIDS, kewujudan sebarang jangkitan virus Kurang Daya Tahan Penyakit atau penyakit yang dijangkiti melalui hubungan seks.
8. Sebarang bentuk rawatan atau pembedahan pergigian melainkan perlu dilakukan akibat kecederaan kemalangan atau penyakit yang melibatkan pembedahan oral.
9. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ badan oleh hayat diinsuranskan serta kos mendapatkan organ tersebut, termasuklah semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
10. Sebarang pemeriksaan mata, cermin mata dan refraksi atau pembetulan rabun jauh secara pembedahan (Keratotomi Radial).
11. Penggunaan atau pemerolehan peralatan atau peranti prostetik luaran seperti anggota palsu, alat bantu pendengeran dan preskripsi.
12. Kemasukan ke hospital terutamanya untuk tujuan selidikan, diagnosis, pemeriksaan X-ray, pemeriksaan fizikal am atau pemeriksaan perubatan rutin; rawatan/ubat pencegahan, rawatan/permeriksaan khusus untuk menurunkan atau menambahkan berat badan; pemulihan, penjagaan, sanitaria atau rehat pulih; atau penjagaan kejururawatan persendirian.

13. Sebarang kos/perbelanjaan bagi perkhimatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, makanan atau minuman dari bar mini, telefon, perkhimatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek kemasukan ke hospital dan barang bukan perubatan yang tidak layak.
14. Sebarang ganguan psikotik, mental atau saraf (termasuklah sebarang penyakit saraf dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya), penyalgunaan/ketagihan alkohol atau badan.
15. Selidikan dan rawatan penyakit tidur dan berdengkur, terapi penggantian hormon serta terapi alternatif seperti rawatan, perkhimatan atau bekalan perubatan selain daripada ubat-ubatan Barat, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhimatan kiropraktik, akupunktur, acupressure, refleksologi, rawatan oleh tabib tulang, rawatan oleh pakar herba, urut atau aromaterapi atau rawatan alternatif lain.
16. Sebarang kecederaan atau penyakit akut sebarang jenis perlumbaan, sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada sukan udara seperti terjun udara, luncur air, aktiviti di dalam air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan, sukan musim sejuk dan sukan profesional melaninkan dipersetujui melalui endorsemen khas.
17. Sebarang kecederaan atau penyakit akibat penerbangan persendirian selain daripada sebagai ahli krew atau penumpang yang membayar tambang di dalam mana-mana kapal terbang komersil berjadual yang diberi lesen untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan.
18. Sebarang kecederaan akibat melanggar atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditangkap.
19. Penyakit-penyakit khusus yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama perlindungan berterusan terhadap:
 - a) Batu karang dalam sistem kencing dan hempedu.
 - b) Hipertensi atau penyakit kardiovaskular (kecuali Serangan Jantung).
 - c) Diabetes melitus.
 - d) Semua tumor, sista, polip atau kanser.
 - e) Pembedahan sinus, septum hidung atau tonsil.
 - f) Hernia, hemoroid atau fistula.
 - g) Endometriosis atau pendarahan uterin disfungsi.
20. Penyakit pra-wujud.
21. Sebarang tanda atau simptom penyakit (kecuali kecederaan akibat kemalangan) yang berlaku kurang daripada 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa polisi.

Lampiran

Kadar Premium Tahunan untuk PRU Senior Med				
	Plan 1		Plan 2	
Jumlah Koinsurans Minimum	RM 3,000		RM 6,000	
Umur penyertaan Pada Tarikh Lahir Berikutnya	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
45	1,753	1,742	1,357	1,338
46	1,819	1,841	1,412	1,406
47	1,885	1,947	1,468	1,478
48	1,954	2,057	1,526	1,552
49	2,025	2,174	1,587	1,628
50	2,099	2,294	1,649	1,707
51	2,178	2,416	1,712	1,787
52	2,263	2,544	1,778	1,871
53	2,353	2,676	1,844	1,959
54	2,451	2,815	1,913	2,052
55	2,557	2,962	1,985	2,151
56	2,675	3,119	2,062	2,257
57	2,802	3,289	2,142	2,371
58	2,941	3,474	2,230	2,496
59	3,094	3,676	2,325	2,633
60	3,260	3,898	2,431	2,784
61	3,397	4,107	2,492	2,885
62	3,502	4,261	2,560	3,000
63	3,636	4,452	2,652	3,139
64	3,759	4,628	2,739	3,266
65	3,897	4,825	2,840	3,407
66	4,040	5,027	2,948	3,549
67	4,204	5,252	3,073	3,706
68	4,375	5,484	3,205	3,866
69	4,573	5,745	3,357	4,046
70	4,778	6,008	3,514	4,227

Nota: Kadar premium di atas adalah berdasarkan risiko yang standard untuk semua kelas pekerjaan, dan secara pembayaran tahunan.

Nota Penting

- > Syarikat mempunyai hak untuk mengubah kadar premium pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 30-hari terdahulu.
- > Risalah ini adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Ilustrasi Jualan sebelum membeli sesuatu pelan, serta merujuk terma dan syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
- > Anda hendaklah menaksir kemampuan bayar dan kesesuaian produk (termasuk manfaat opsyenal) berkaitan dengan matlamat kewangan dan selera risiko anda. Untuk berbuat demikian, kami nasihatkan anda supaya berbincang dengan ejen atau Perancang Kewangan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan termaklum.
- > Tempoh tinjauan percuma selama 15 hari selepas polisi diserahkan kepada anda untuk membolehkan anda mengkajinya semula bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan wang kepada anda premium yang telah anda bayar, ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada).
- > Jika anda membatalkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan mendapat nilai penuh daripada amaun yang telah anda bayar. Apabila polisi ini diserah balik, pelan ini akan terhenti.
- > Kadar premium untuk pelan ini adalah tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula kadar premium pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 30-hari jika tuntutan sebenar experiencl adalah lebih teruk daripada yang dijangkakan.
- > Tidak membayar premium boleh menyebabkan polisi ini terhenti.
- > Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah syarikat insurans berlesen dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Prudential Assurance Malaysia Berhad Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB adalah dilindungi daripada kerugian sebahagian atau keseluruhan manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari PAMB atau layari laman sesawang PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Untuk bantuan peribadi, sila hubungi **03 – 2116 0228**, e-mel kami di customer.mys@prudential.com.my atau hubungi Prudential Wealth Planner anda yang mesra.

Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)

Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2116 0228

Email: customer.mys@prudential.com.my

www.prudential.com.my



Mendengar. Memahami. Melaksana.